

PEMBANGUNAN TANAH RANCANGAN

(RPT SUNGAI PAS)

MASALAH,CABARAN DAN PROSPEK MASA HADAPAN

DISEDIAKAN OLEH:

ISMAIL BIN AWANG	90940727	DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM 10
AHMAD BAZLI MOHD RADZI	92721516	DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM 08
MAHUSSIN BIN ABDULLAH	92721269	DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM 07
AZAHAR BIN YUSOFF	92720310	DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM 07

UNTUK PENSYARAH:  
ENCIK MOHD. NOR BIN SHAPIIN

DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM DAN UNDANG-UNDANG(PJJ)  
KAJIAN PENTADBIRAN AWAM DAN UNDANG-UNDANG  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

NOVEMBER 1996

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Kami merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat secara lansung , mahupun secara tidak lansung yang telah memberikan kerjasama seperti membekalkan maklumat-maklumat , sumber-sumber , data data , memberikan pandangan serta pendapat dan sebagainya di dalam penyediaan dan penyiapan kertas projek ini .

Kami dengan sukacitanya merakamkan juga setinggi-tinggi penghargaan ini kepada Encik Mohd Nor bin Shapiin, Penyelaras Kertas projek, yang telah memberi sepenuh tunjukajar dan bimbingan serta nasihat .

Juga buat kedua ibu-bapa , isteri , anak-anak dan rakan-rakan di atas pengorbanan , dorongan dan semangat yang dicurahkan kepada kami akan dikenang sepanjang hayat .

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Haron bin Awang Hamat (Pegawai Sosial , Ibu Pejabat KESEDAR) Haji Shaipuddin bin Idris (Ketua Unit Operasi Utara KESEDAR) Haji Mohd Noor bin Haji Noh (Pengurus Rancangan RPT Temalir/ Sungai Pas) serta kakitangan , peneroka-peneroka RPT Sungai Pas dan juga orang ramai yang telah memberi kerjasama kepada kami semasa membuat kajian .

Tanpa kerjasama dan bantuan mereka-mereka yang disebutkan di atas sudah tentu kami tidak mampu untuk menyiapkan kertas projek dengan sempurna . Hanya Allah jua yang dapat membalas jasa mereka .

**SENARAI JADUAL****MUKA SURAT**

Jadual 1	:	Jenis tanaman mengikut keluasan	12
Jadual 2	:	Peratusan perubahan kelulusan tanah milik estet, swasta, pekebun kecil berorganisasi dan persendirian	13
Jadual 3	:	Kemajuan pembangunan tanah	14
Jadual 4	:	Program tanaman semula oleh agensi-agensi awam	24
Jadual 5	:	Kawasan yang ditanam (hektar)	26
Jadual 6	:	Perbandingan kawasan yang ditanam dan berhasil	27
Jadual 7	:	Kadar kemiskinan mengikut kumpulan sasaran	29

BAB 1  
PENGENALAN

Bahagian Majalah dan  
Perkhidmatan Penibaaga

### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kertas projek ini akan membincangkan aspek-aspek umum pembangunan tanah rancangan . Kehidupan peneroka sebelum dan selepas menjadi peneroka . Masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka . Bantuan-bantuan kerajaan kepada peneroka . Peranan agensi-agensi kerajaan dalam membangunkan tanah rancangan dan juga membangunkan taraf hidup peneroka . Salah satu usaha kerajaan melalui pentadbiran pembangunannya terutama yang menyentuh soal pembangunan luar bandar iaitu strategi pembangunan dan pemulihan tanah . Melalui agensi-agensi yang ditubuhkan maka diwujudkan bahagian-bahagian untuk tujuan berkaitan .

Pemilihan topik ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran sejauhmanakah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan serta sambutan dari orang ramai (peneroka terbabit) disamping memberi tumpuan terhadap cabaran , permasalahan , dan prospek masa depannya .

Pada peringkat awal penubuhannya RPT Sungai Pas adalah dibawah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri (LKTN) , kemudian LKTN dibubarkan dan di tubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan DarulNaim (TAKDIR) dan kini diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) mulai 1978 hingga sekarang .